



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**22 MEI 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **189 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **60,242 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 55 menjadikan jumlah kumulatif 58,661 orang. Seramai 847 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 332 orang di hospital dan 514 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara satu (1) orang. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 42 orang dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort berubah dari zon kuning ke zon jingga. Manakala Kota Marudu bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau lapan (8) daerah

**Tiga (3) kluster baharu direkodkan hari ini.**

- i **Kluster Indani di Semporna** mula direkodkan pada 16 Mei 2021 apabila kes indeks, warganegara, lelaki, 20, menjalani saringan bergejala di Hospital Semporna dan disahkan positif RTK Ag. Kes indeks telah ditempatkan di Hospital Semporna untuk rawatan dan isolasi. Susulan kes itu, saringan kontak yang dijalankan kemudian berjaya mengesan 11 lagi kes positif termasuk ahli keluarga (generasi pertama dan kedua), menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 12 kes setakat hari ini. Secara keseluruhan, 96 sampel kontak rapat telah diambil, manakala 49 orang kontak yang lain adalah negatif dan 35 sampel lagi masih menunggu keputusan. Siasatan lanjut untuk pengesahan kontak-kontak rapat masih giat dijalankan.
- ii **Kluster Abaka di Tawau** yang dikesan pada 14 Mei 2021, pada hari ini mencatat jumlah kumulatif sebanyak 38 kes. Kes indeks adalah guru lelaki, 26, didapati positif serta pasangannya dalam saringan rentas negeri untuk kembali bertugas di SK Tanjung Aru, WP Labuan, selepas meraikan aidilfitri di Tawau. Berdasarkan penelitian kes, pasangan yang masuk ke Sabah pada 08 Mei 2021 itu terlibat dengan aktiviti kunjung-mengunjung sehingga 14 Mei 2021 di Taman Abaka, Ladang Table di Mukim Merotai, Tawau. Daripada 171 kontak yang disaring, 68 sampel didapati negatif, manakala 65 sampel lagi masih menunggu keputusan. Siasatan lanjut untuk pengesahan kontak-kontak rapat masih giat dijalankan.
- iii **Kluster Melikai di Kuala Penyu** melibatkan kes indeks dari Wilayah Persekutuan Labuan yang balik ke Kg Melikai Menumbok untuk menyambut aidilfitri mulai 13 Mei 2021. Kes indeks merupakan wanita, 50, Penolong Guru Tadika Perpaduan di Batu Arang, Labuan yang mula bergejala batuk dan demam, tetapi negatif dalam saringan masuk ke Sabah pada 12 Mei 2021. Selepas empat hari berada di Sabah, kes indeks yang menjalani saringan sebelum diberikan dos kedua vaksin di Klinik Kesihatan Labuan kemudiannya disahkan positif COVID-19 pada 17 Mei 2021. Daripada 167 sampel yang diambil dalam kluster ini, 15 lagi dikesan positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes, manakala baki 74 sampel masih dalam proses. Aktiviti kawalan dan pencegahan sedang giat dijalankan.

6 Daripada 189 kes positif COVID-19, sebanyak 72 kes (38.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 21 kes (11.1%) saringan bergejala, 76 kes (40.2%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 20 kes (10.6%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,975 unit

- Hospital 569 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,986 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.31%.

## B **KEMASUKAN DARI WP LABUAN MEMPENGARUHI JUMLAH KES COVID 19 DI SABAH**

1 Susulan peningkatan kes COVID-19 di W.P.Labuan

- (i) 84 kes pada 21 Mei 2021,
- (ii) 36 kes pada 22 Mei 2021

dan berlaku insiden kes WP Labuan yang merentas negeri telah mencetuskan kluster di Sabah:

- i Kluster Abaka, Tawau dengan 38 kes pada hari ini membabitkan kes dari WP Labuan yang mencetuskan kluster Abaka di Taman Abaka.
- ii Kluster Melikai, Menumbok juga melibatkan kes WP Labuan yang telah menjangkiti 16 kontak di kampung Melikai.
- iii R-Naught kes Labuan di tahap 2.55.

2 Kerajaan Negeri menasihatkan orang ramai yang pernah mengunjungi WP Labuan atau menerima kunjungan daripada WP Labuan agar berhati-hati bagi memastikan pembendungan penularan pandemik Covid-19 dapat digiatkan sepenuhnya..

## **C RASIONAL LARANGAN RENTAS DAERAH**

- 1 Merujuk keputusan Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan LARANGAN RENTAS DAERAH bermula 24 Mei hingga 07 Jun 2021 adalah bagi tujuan memutuskan rantaian penularan pandemik COVID19 yang mana kes negeri Sabah masih berada di tahap tiga (3) digit sehingga hari ini yang merekodkan 189 kes dengan tiga (3) kluster baharu.
- 2 Masyarakat diminta untuk terus berkerjasama dan membantu bagi mengekang pandemik COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

## **D PKPD KAMPUNG MELIKAI, KUALA PENYU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa mengenai peningkatan kes COVID-19 di Kampung Melikai, Kuala Penyu.
- 2 Sehingga kini, seramai 15 penduduk di lokaliti tersebut disahkan positif COVID-19 hasil daripada 78 ujian saringan dijalankan KKM manakala terdapat 63 lagi sampel ujian masih menunggu keputusan.
- 3 KKM juga mendapati, berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam masa yang singkat dengan kadar positiviti ialah 19.23%.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Melikai, Kuala Penyu berkuat kuasa 24 Mei sehingga 06 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD membolehkan KKM menjalankan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk kekal berada dalam kawasan tersebut dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

- E PKPD SILIMPOPON ESTATE DAN SILIMPOPON MILL, KALABAカン**
- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa mengenai peningkatan kes COVID-19 di Silimpopon Estate dan Silimpopon Mill, Kalabakan.
  - 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 238 ujian saringan dan 42 daripadanya disahkan positif COVID-19.
  - 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang ketara dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan amat tinggi di lokaliti tersebut.
  - 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Silimpopon Estate dan Silimpopon Mill, Kalabakan berkuat kuasa 24 Mei sehingga 06 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
  - 5 Pelaksanaan PKPD membolehkan KKM menjalankan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk kekal berada dalam kawasan tersebut dan tidak menjangkiti komuniti di luar.
- F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**
- 1 Setakat hari ini, **tiga (3)** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,721** orang.
  - 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **298** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,440** orang.
  - 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **3,098** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **46,687** orang.
  - 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **1,466** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **12,386** orang.
  - 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 3,057 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **504,956** (mysejahtera 442,922 : laman web 61,798 : talian vaksinasi 236) bersamaan 17.2%.

**G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **322,189** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 49 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 22,707 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 156 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 20 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Lapan (8) orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
  - Satu (1) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
  - Satu (1) orang : Rentas negeri/ daerah tanpa kebenaran.
  - Enam (6) orang : Tiada penjarakan sosial.
  - Empat (4) orang : Aktiviti terlarang.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 115 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan disyaki melakukan kesalahan dibawah Enakmen Pelabuhan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) tangkapan disyaki melakukan kesalahan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 277 lokasi melibatkan seramai 231 anggota APM.

- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 55 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan tujuh (7) buah daerah iaitu di daerah Sandakan, Semporna, Kota Marudu, Kinabatangan, Kota Kinabalu, Tawau dan Keningau.
- 7 Sejumlah 25 hebahan awam dibawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 116 hebahan di seluruh Sabah.

## I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH        | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1   | Tenom         | 98%     |
| 2   | Sipitang      | 98%     |
| 3   | Beluran       | 98%     |
| 4   | Kudat         | 98%     |
| 5   | Kota Marudu   | 97.5%   |
| 6   | Tuaran        | 97.5%   |
| 7   | Beaufort      | 97.5%   |
| 8   | Ranau         | 97.5%   |
| 9   | Keningau      | 97.5%   |
| 10  | Kinabatangan  | 97.5%   |
| 11  | Sandakan      | 97.5%   |
| 12  | Lahad Datu    | 97%     |
| 13  | Semporna      | 97%     |
| 14  | Papar         | 97%     |
| 15  | Kota Kinabalu | 97%     |
| 16  | Kunak         | 97%     |
| 17  | Penampang     | 97%     |
| 18  | Kota Belud    | 97%     |
| 19  | Tawau         | 96.5%   |

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**